

**Tukar Kerusi Selaras Suasana Politik Kian Berubah, Kata Shafie  
Bernama  
12 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Langkah MCA dan MIC yang sanggup bertukar kerusi yang diperuntukkan kepada parti itu oleh Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang menunjukkan anggota parti sudah menyedari hakikat bahawa mereka kini berada dalam suasana politik yang berbeza.

Naib Presiden UMNO Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata apa yang penting ialah anggota parti harus berpegang kepada prinsip bahawa BN perlu memenangi pilihan raya umum ke-13 nanti dengan meletakkan calon yang benar-benar berkaliber.

"Kita perlu pastikan BN ada calon yang boleh menang dan itu tidak perlu datang dari parti mana-mana, kita tidak harus berpaut bahawa ia mesti dari parti kita, kita mesti pergi melangkaui semua, kerana suasana sudah berubah.

"Kita tidak harus mendesak bahawa ini kerusi kita, tradisi kita, kalau kita tidak berubah tidak mungkin kita akan dapat kejayaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Sidang Kemuncak Reka Bentuk Pusat Pembangunan Reka Bentuk (DDEC) 2011 di sini Isnin.

Mohd Shafie yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengulas kenyataan Presiden MCA Datuk Seri Dr Chua Soi Lek semalam yang menyokong kenyataan Presiden MIC Datuk G Palanivel yang sanggup bertukar kerusi bagi memastikan kejayaan lebih besar kepada BN pada pilihan raya umum akan datang.

Dalam perkembangan lain, Mohd Shafie berkata mata pelajaran Sejarah perlu diajar dengan pendekatan lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan bukan sahaja pelajar sekolah tetapi seluruh rakyat Malaysia berminat dan memahami sejarah dengan betul.

"Kita perlu kreatif dalam membuat pendekatan bagaimana Sejarah diperkenalkan bukan hanya di bangku sekolah tetapi juga kita boleh buat pameran contohnya agar Sejarah itu disampaikan dan dijelaskan dengan menarik.

"Kalau cara penyampaian kita tidak lagi di takut lama, saya yakin bahawa (mata pelajaran) Sejarah akan menjadi tarikan kepada anak-anak bangsa kita dan mereka tidak akan alpa betapa pentingnya sejarah.

"Ini dapat menanamkan semangat tentang pengertian dan kesedaran mereka bagaimana bangsa Malaysia pada hari ini melalui cabaran sebagai sebuah negara yang sedang membangun," katanya.

Mengenai fakta sejarah yang sering diputar belitkan pihak tertentu, beliau berkata fakta sejarah negara adalah betul cuma pihak tersebut tidak sanggup menerimanya kerana pejuang pada masa itu adalah orang UMNO.

"Oleh kerana (Almarhum) Tunku Abdul Rahman (Putra Al-Haj) merupakan Presiden (Yang DiPertua) UMNO pada masa itu, mereka tidak mahu terima walaupun ia fakta, kalau kebenaran jangan putarkan hingga ia menjadi kebatilan semata-mata ideologi dan fahaman politik yang boleh mengelirukan rakyat," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=612841>